KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	HARIAN METRO			
TARIKH	:	04.08.22	MUKA SURAT	:	11
JABATAN	:	TNB			

Seorang pekerja maut kena renjatan elektrik

Klang: Seorang pekerja sebuah syarikat penyelenggaraan kapal di Telok Gong, Pelabuhan Klang di sini, maut dipercayai akibat terkena renjatan elektrik Jumaat lalu.

Susulan kemalangan itu, Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) Selangor mengarahkan sepasukan pegawai penyiasat menjalankan siasatan selepas menerima maklumat.

JKKP Selangor memaklumkan, dalam kejadian jam 4.30 petang itu, mangsa yang maut adalah seorang pekerja lelaki warga tempatan berusia 21 tahun.

Katanya, siasatan awal mendapati mangsa ditugaskan membuat kerja pembaikan lampu pendarfluor sementara di kawasan serombong ekzos dalam kapal yang perlu diselenggara bersama rakannya.

"Semasa menukar lampu, rakan mangsa mendengar mangsa mengerang kesakitan dan terduduk di atas platform.

"Ketika ditemui dalam keadaan tidak sedarkan diri, rakannya cuba memegang mangsa. Bagaimanapun tindakannya gagal dan mangsa terjatuh ke platform bawah pada ketinggian 2.88 meter.

"Mangsa dibawa keluar dari kapal dan diberi bantuan pernafasan sebelum dihantar ke Hospital Tengku Ampuan Rahimah (HTAR) dan disahkan meninggal dunia di hospital," katanya.

HM040822_11